



جدوال وقت سمبهیغ

•—————
NOVEMBER 2021
—————•

SAFAR 1443H - RABIULAWWAL 1443H
ربیع الاول ۱۴۴۳ھ - ربیع الآخر ۱۴۴۳ھ

Hari	Masih	Hijrah	الصَّبَح	الشَّرُوقُ	الظَّهُورُ	العَصْرُ	الْمَغْرِبُ	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Isnin	1	25	5.13	6.50	11.49	2.07	4.37	6.05
Selasa	2	26	5.15	6.52	11.49	2.06	4.35	6.03
Rabu	3	27	5.17	6.54	11.49	2.04	4.34	6.03
Khamis	4	28	5.18	6.56	11.49	2.03	4.32	6.01
Jumaat	5	29	5.19	6.57	11.49	2.01	4.30	6.00
Sabtu	6	1	5.21	6.59	11.49	2.00	4.28	5.58
Ahad	7	2	5.22	7.01	11.49	1.59	4.27	5.58
Isnin	8	3	5.24	7.03	11.49	1.57	4.25	5.56
Selasa	9	4	5.25	7.04	11.49	1.56	4.24	5.56
Rabu	10	5	5.26	7.06	11.49	1.55	4.22	5.54
Khamis	11	6	5.28	7.08	11.49	1.54	4.20	5.52
Jumaat	12	7	5.30	7.10	11.50	1.53	4.19	5.51
Sabtu	13	8	5.30	7.11	11.50	1.51	4.17	5.50
Ahad	14	9	5.32	7.13	11.50	1.50	4.16	5.49
Isnin	15	10	5.34	7.15	11.50	1.49	4.15	5.48
Selasa	16	11	5.35	7.17	11.50	1.48	4.13	5.46
Rabu	17	12	5.36	7.18	11.50	1.47	4.12	5.46
Khamis	18	13	5.38	7.20	11.51	1.46	4.11	5.45
Jumaat	19	14	5.40	7.22	11.51	1.45	4.09	5.43
Sabtu	20	15	5.41	7.23	11.51	1.45	4.08	5.42
Ahad	21	16	5.43	7.25	11.51	1.44	4.07	5.42
Isnin	22	17	5.45	7.27	11.52	1.43	4.06	5.41
Selasa	23	18	5.46	7.28	11.52	1.42	4.05	5.40
Rabu	24	19	5.48	7.30	11.52	1.41	4.04	5.39
Khamis	25	20	5.49	7.31	11.52	1.41	4.03	5.39
Jumaat	26	21	5.51	7.33	11.53	1.40	4.02	5.38
Sabtu	27	22	5.52	7.34	11.53	1.39	4.01	5.37
Ahad	28	23	5.54	7.36	11.53	1.39	4.00	5.36
Isnin	29	24	5.55	7.37	11.54	1.38	4.00	5.36
Selasa	30	25	5.57	7.39	11.54	1.38	3.59	5.36

*Daripada Ibnu Abas R.A, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
Sesiapa yang selalu beristighfar nescaya Allah akan menjadikan
baginya kemudahan bagi setiap kesempatan, kesenangan bagi setiap
kesedihan dan memberi rezeki tanpa diduga olehNya.”*

(Hadis riwayat Imam Abu Daud)

*Nashiat Untuk
Kita Bersama*

FADHILAT ISTIGHFAR

Agama Islam telah mengajarkan kita beberapa langkah bagi menjernih dan membersihkan hati dan jiwa kita daripada sebarang dosa dan maksiat iaitu dengan memperbanyakkan zikir, taubat dan istighfar. Sesungguhnya perintah bertaubat dan beristighfar itu bukan hanya bagi orang yang berbuat maksiat dan berbuat dosa semata-mata, malah kita semua adalah dituntut untuk sentiasa bertaubat dan beristighfar itu serta jangan sekali berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Zumar ayat 53-54 tafsirnya:

“Katakanlah (sampaikanlah firmanKu itu wahai Nabi Muhammad): “Wahai hamba-hambaKu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Dan kembalilah (bertaubatlah) kepada Tuhan kamu serta berserah dirilah kepadaNya sebelum datang azab ke atas kamu, kemudian kamu tidak akan diberi pertolongan.”

Terdapat banyak fadhilat ataupun kelebihan yang dikurniakan Allah SWT bagi mereka yang mengamalkan istighfar. Antara kelebihan istighfar itu ialah:

Pertama: Memperolehi keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'alaa.

Kedua: Menyenangkan hati dari kegelisahan dan gundah-gulananya.

Ketiga: Mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'alaa.

Keempat: Memperolehi perlindungan Allah Subhanahu Wata'alaa dari tipu daya dan hasutan syaitan.

Kelima: Memperolehi keutamaan dan anugerah daripada Allah Subhanahu Wata'alaa berupa nikmat bagi sesiapa yang mengamalkan seperti diberi kelapangan, kesenangan, kesihatan serta rezeki yang melimpah.

*Petikan daripada Khutbah Jumaat
bertarikh 26 Februari 2021*